

<p style="text-align: center;">TERMS AND CONDITIONS FOR THE SUPPLY OF GOODS ("the Conditions")</p>	<p style="text-align: center;">TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BEKALAN BARANGAN ("Syarat-Syarat")</p>
<p>1. INTERPRETATION 1.1. In these Conditions:</p>	<p>1. TAFSIRAN 1.1. Dalam Syarat-Syarat ini:</p>
<p>Applicable Law: means all applicable laws, legislation, statutory instruments, regulations and governmental guidance having binding force whether local or national or international in any relevant jurisdiction.</p>	<p>Pemakaian Undang-Undang: bermaksud semua undang-undang, legislatif, instrumen berkanun, peraturan-peraturan dan garis panduan kerajaan yang mempunyai kesan mengikat dalam apa-apa bidang kuasa sama ada tempatan, nasional atau antarabangsa.</p>
<p>Business Day: means a day (other than a Saturday, Sunday or public holiday) when banks in Selangor Darul Ehsan, Malaysia are open for business.</p>	<p>Hari Bekerja: bermaksud hari (selain Sabtu, Ahad atau cuti umum) apabila bank-bank di Selangor Darul Ehsan, Malaysia beroperasi.</p>
<p>Conditions: means the terms and conditions set out in this document as amended from time to time in accordance with Condition 16.</p>	<p>Syarat-Syarat: bermaksud terma-terma dan syarat-syarat yang disertakan di sini adalah seperti yang dipinda dari masa ke semasa mengikut Syarat 16.</p>
<p>Contract: means the contract between the Supplier and the Customer for the sale and purchase of the Goods in accordance with Condition 2.3.</p>	<p>Kontrak: bermaksud kontrak antara Pembekal dan Pelanggan untuk jual beli barangan adalah mengikut syarat 2.3.</p>
<p>Contract Price: means the price for the Goods as set out in the Supplier's quotation.</p>	<p>Harga Kontrak: bermaksud harga untuk Barangan seperti yang dinyatakan dalam sebut harga Pembekal.</p>
<p>Customer: means the person or firm who purchases the Goods from the Supplier.</p>	<p>Pelanggan: bermaksud individu atau firma yang membeli Barangan-Barangan daripada Pembekal.</p>
<p>Customer Information: means the information received from the Customer against which the Supplier has issued a quotation and/or the Customer's complete and accurate information provided within the Order to determine the Supplier's contracted scope of work.</p>	<p>Maklumat Pelanggan: bermaksud maklumat yang diterima daripada Pelanggan yang Pembekal telah mengeluarkan sebut harga dan/atau maklumat Pelanggan yang lengkap dan tepat disediakan di dalam Pesanan untuk menentukan skop kerja kontrak Pembekal.</p>
<p>Data Protection Laws: means, as binding on either party or the Goods: (a) Consumer Protection Act 1999; (b) Personal Data Protection Act 2010; (c) Communication and Multimedia Act 1998; (d) any laws which implement any such laws; and (e) any laws that replace, extend, re-enact, consolidate or amend any of the foregoing.</p>	<p>Undang-Undang Perlindungan Data: bermaksud, mengikat sama ada pada satu pihak atau Barangan-Barangan: (a) Akta Perlindungan Pengguna 1999; (b) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010; (c) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; (d) mana-mana undang-undang yang melaksanakan undang-undang yang sedemikian; dan (e) mana-mana undang-undang yang menggantikan, melanjutkan, menggubal semula, menyatukan atau meminda mana-mana yang tersebut di atas.</p>

<p>Force Majeure Event: means an event or sequence of events beyond a party's reasonable control preventing or delaying it from performing its obligations under the Contract, including but not limited to acts of God, epidemic or pandemic (whether or not known as at the date hereof, or whether or not declared prior to the date of the Order), strikes, lock outs, accidents, war, civil unrest, terrorism, threat of terrorism, threat of or preparation for war, armed conflict, imposition of sanctions, embargo, or breaking off of diplomatic relations, government intervention, interruption, restrictions (including denial or cancellation of export or other licences), failure of a utility service, fire, breakdown of plant or machinery, a worldwide market shortage of a given component, or shortage or unavailability of raw materials from a natural source of supply.</p>	<p>Situasi Force Majeure: bermaksud situasi atau lanjutan situasi yang berlaku di luar kawalan yang munasabah oleh satu pihak yang menghalang atau menyebabkan kelewatan pihak tersebut untuk melaksanakan kewajipannya di bawah kontrak, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbuatan Tuhan, epidemik atau pandemik (sama ada diketahui atau tidak diketahui setakat tarikh di sini, atau sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan sebelum tarikh Pesanan), mogok, sekatan masuk, kemalangan, perang, pergolakan awam, ancaman keganasan, ancaman atau persediaan untuk berperang, konflik bersenjata, pengenaan sekatan, embargo atau hubungan diplomatik diputuskan, campur tangan pihak kerajaan, sekatan (termasuk penafian atau pembatalan eksport atau lain-lain lesen), atau gangguan atau kegagalan perkhidmatan servis utiliti, kebakaran, kerosakan loji atau jentera, atau kekurangan atau ketiadaan bahan-bahan mentah daripada bekalan semula jadi.</p>
<p>Goods: means the goods (or any part of them) set out in the Order.</p>	<p>Barangan: bermaksud Barangan (atau sebahagian daripadanya) seperti yang dinyatakan di dalam Pesanan.</p>
<p>Intellectual Property: means patents, rights to inventions, copyright and related rights, trade marks, business names and domain names, rights in get-up, goodwill and the right to sue for passing off, rights in designs, database rights, rights to use, and protect the confidentiality of, confidential information (including know-how), and all other intellectual property rights, in each case whether registered or unregistered and including all applications and rights to apply for and be granted, renewals or extensions of, and rights to claim priority from, such rights and all similar or equivalent rights or forms of protection which subsist or will subsist now or in the future in any part of the world.</p>	<p>Harta Intelek: bermaksud paten, hak rekaan, hak cipta dan hak-hak yang berkaitan, cap dagangan, nama perniagaan dan nama domain, hak untuk membangun, niat baik dan hak untuk menyaman kerana salah guna, hak dalam reka bentuk, hak pangkalan data, hak untuk mengguna, dan hak untuk melindungi maklumat rahsia, maklumat sulit (termasuk pengetahuan), dan semua hak-hak harta intelek yang lain, bagi setiap kes sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dan termasuk semua permohonan dan hak untuk memohon dan membenarkan permohonan, , pembaharuan atau lanjutan, dan hak untuk menuntut keutamaan daripada, hak sedemikian dan semua hak yang serupa atau bersamaan atau dalam bentuk-bentuk perlindungan yang wujud atau akan wujud pada ketika ini atau pada masa hadapan dan bila-bila masa di dunia ini.</p>
<p>Order: means the Customer's order for the Goods, as set out in the Customer's purchase order form or the Customer's written acceptance of the Supplier's quotation, as the case may be.</p>	<p>Pesanan: bermaksud pesanan Pelanggan untuk Barangan, seperti yang dinyatakan di dalam borang pembelian Pelanggan atau penerimaan secara bertulis oleh Pelanggan kepadasebut harga oleh Pembekal, mengikut yang berkenaan.</p>
<p>Specification: means any specification for the Goods, including any related plans and drawings, and the Customer Information if applicable.</p>	<p>Spesifikasi: bermaksud apa-apa spesifikasi untuk Barangan, termasuk apa-apa pelan dan lukisan yang berkaitan, dan Maklumat Pelanggan, sekiranya berkenaan.</p>
<p>Supplier: means the relevant Lucy Asia Pacific Sdn Bhd's entity as set out in the Supplier's quotation.</p>	<p>Pembekal: bermaksud entiti Lucy Asia Pacific Sdn Bhd yang berkenaan seperti yang dinyatakan di dalam sebut harga Pembekal.</p>

<p>1.2. A reference to a statute or statutory provision is a reference to such statute or provision as amended or re-enacted. A reference to a statute or statutory provision includes any subordinate legislation made under that statute or statutory provision, as amended or re-enacted.</p>	<p>1.2. Rujukan kepada akta atau peruntukan undang-undang adalah rujukan kepada akta tersebut atau peruntukan seperti yang dipinda telah atau yang digubal semula. Rujukan kepada akta atau peruntukan undang-undang termasuk apa-apa undang-undang subsidiari dibuat di bawah akta atau peruntukkan undang-undang, seperti yang telah dipinda atau yang digubal semula.</p>
<p>1.3. Any phrase introduced by the terms including, include, in particular or any similar expression shall be construed as illustrative and shall not limit the sense of the words preceding those terms.</p>	<p>1.3. Apa-apa frasa yang diperkenalkan oleh terma-terma termasuk, dan dimasukkan, secara khususnya atau sebarang pernyataan yang sama perlu ditafsirkan sebagai ilustrasi dan hendaklah tidak menghadkan pemahaman perkataan sebelum terma-terma tersebut.</p>
<p>1.4. A reference to writing or written includes emails.</p>	<p>1.4. Rujukan kepada penulisan secara bertulis adalah termasuk emel.</p>
<p>2. BASIS OF CONTRACT</p> <p>2.1. These Conditions apply to and form part of the Contract to the exclusion of any other terms that the Customer seeks to impose or incorporate, or which are implied by trade, custom, practice or course of dealing.</p>	<p>2. ASAS KONTRAK</p> <p>2.1. Syarat-syarat ini terpakai kepada dan merupakan sebahagian daripada Kontrak tertakluk kepada pengecualian terma-terma lain yang Pelanggan ingin dikuatkuasa atau memasukkan, atau yang mana adalah tersirat oleh perdagangan, amalan, praktis atau cara berurusan.</p>
<p>2.2. The Order constitutes an offer by the Customer to purchase the Goods in accordance with these Conditions. The Customer is responsible for ensuring that the terms of the Order and any applicable Specification are complete and accurate.</p>	<p>2.2. Satu Pesanan adalah dianggap sebagai tawaran daripada Pelanggan untuk membeli Barangan mengikut Syarat-Syarat ini. Pelanggan tersebut adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa terma-terma di dalam Pesanan dan sebarang Spesifikasi yang terpakai adalah lengkap dan tepat.</p>
<p>2.3. The Order shall be deemed to be accepted and the Contract shall (subject to Condition 2.4) come into existence when, either the Supplier issues a formal order confirmation, or when the Supplier commences work on the Order, whichever is the earlier. Once the Contract has come into existence, the Customer may not vary or cancel the Order unless expressly agreed in writing by the Supplier. In the event that the Supplier does accept the Customer's request for a variation or cancellation, the Supplier may charge the Customer reasonable costs associated with doing so as the Supplier shall determine in its absolute discretion. When accommodating a variation, the Supplier may also amend the Contract Price and any delivery dates as it deems necessary in order to accommodate such variation.</p>	<p>2.3. Pesanan tersebut hendaklah dianggap telah diterima dan Kontrak adalah (tertakluk kepada Syarat 2.4) wujud apabila, sama ada Pembekal mengeluarkan pengesahan pesanan secara formal, atau apabila Pembekal memulakan kerja terhadap Pesanan tersebut, mana-mana yang terdahulu. Apabila Kontrak tersebut, telah wujud, Pelanggan tidak boleh mengubah atau membatalkan Pesanan tersebut melainkan Pembekal menyatakan persetujuan secara bertulis. Sekiranya Pembekal tidak menerima permintaan Pelanggan untuk perubahan atau pembatalan, Pembekal boleh mengenakan caj kepada Pelanggan kos yang munasabah apabila melakukannya dan hendaklah ditentukan menurut budi bicara mutlak Pembekal. Apabila memenuhi suatu perubahan, Pembekal boleh meminda Harga Kontrak dan mana-mana tarikh penghantaran mengikut keperluan untuk memenuhi perubahan tersebut.</p>

<p>2.4. In the event that the Supplier's quotation specifies that the Contract will become effective upon the completion of specific actions to be undertaken by the parties, the Contract shall become binding on the date on which the specific requirements have been met in their entirety.</p>	<p>2.4. Sekiranya sebut harga Pembekal menyatakan bahawa Kontrak akan berkuatkuasa apabila tindakan spesifik yang akan diaku janji oleh pihak-pihak dilengkapkan, Kontrak tersebut hendaklah menjadi mengikat pada tarikh keperluan spesifik tersebut telah lengkap secara keseluruhannya.</p>
<p>2.5. The Customer waives any right it might otherwise have to rely on any term endorsed upon, delivered with or contained in any documents of the Customer that is inconsistent with these Conditions.</p>	<p>2.5. Pelanggan mengetepikan apa-apa hak yang mungkin sebaliknya akan bergantung kepada sebarang terma yang telah diendorskan, dihantar atau terkandung di dalam apa-apa dokumen Pelanggan yang tidak konsisten dengan Syarat-Syarat ini.</p>
<p>2.6. The Supplier may rely upon the accuracy of the Customer Information in preparing their quotation. Any resultant variation required to the Supplier's scope of work arising from insufficient or inaccurate Customer Information shall be handled as a Contract amendment and the Contract Price shall be so uplifted</p>	<p>2.6. Pembekal boleh bergantung kepada ketepatan Maklumat Pelanggan dalam menyediakan sebut harga mereka. Apa-apa hasil variasi yang diperlukan untuk skop kerja Pembekal disebabkan oleh Maklumat Pelanggan yang tidak lengkap atau tidak tepat akan dikendalikan sebagai pindaan kepada Kontrak dan Harga Kontrak akan dinaikkan.</p>
<p>2.7. Any samples, drawings, descriptive matter or advertising produced by the Supplier and any descriptions or illustrations contained in the Supplier's catalogues or brochures are produced for the sole purpose of giving an approximate idea of the Goods referred to in them. They shall not form part of the Contract nor have any contractual force.</p>	<p>2.7. Sebarang contoh, lukisan, perkara perihal atau pengiklanan yang dihasilkan oleh Pembekal dan apa-apa huraian atau ilustrasi yang terkandung di dalam katalog atau risalah Pembekal adalah dihasilkan bagi tujuan tunggal untuk memberikan anggaran idea kepada Barangan yang dirujuk oleh mereka. Mereka tidak membentuk sebahagian daripada Kontrak mahupun mempunyai sebarang penguatkuasaan kontrak.</p>
<p>2.8. A quotation for the Goods given by the Supplier shall not constitute an offer. A quotation shall only be valid for a period of thirty (30) days from its date of issue or as otherwise specified in the Supplier's quotation.</p>	<p>2.8. Sebut harga bagi Barangan yang diberikan oleh Pembekal tidak dianggap sebagai tawaran. Sebut harga hanya akan menjadi sah untuk tempoh 30 hari daripada tarikh yang dikeluarkan atau seperti yang dinyatakan dalam sebut harga Pembekal.</p>

<p>3. GOODS</p> <p>3.1. The Goods shall be manufactured according to the Supplier's standard processes and procedures including careful inspection, and where practicable, submitted to the Supplier's standard tests before despatch. Any Customer witnessed tests and/or any Customer specific tests shall be quoted separately within the Supplier's quotation and the Supplier shall invite the Customer to witness contracted tests by giving a minimum seven (7) days' written notice. In the event the Customer's representative fails to attend on the due date, the Supplier shall perform the said test or inspection and the Goods shall be deemed automatically accepted if the Goods pass the test or inspection. If the performance figures obtained on any test provided are outside the limits specified in the Supplier's quotation, the Customer is entitled to reject the Goods.</p>	<p>3. BARANGAN</p> <p>3.1. Barangan hendaklah dikilangkan mengikut proses dan prosedur standard Pembekal termasuk pemeriksaan yang teliti, dan jika boleh dilaksanakan, diserahkan kepada ujian-ujian standard Pembekal sebelum penghantaran. Apa-apa ujian yang disaksikan oleh Pelanggan dan/atau apa-apa ujian spesifik Pelanggan hendaklah diberikan sebut harga secara berasingan di dalam cadangan sebut harga oleh Pembekal dan Pembekal hendaklah menjemput Pelanggan tersebut untuk menyaksikan ujian-ujian yang dijalankan dengan memberikan notis bertulis untuk tempoh minimum selama tujuh (7) hari. Sekiranya wakil Pelanggan gagal untuk menghadiri pada tarikh yang ditetapkan, Pembekal hendaklah melaksanakan ujian atau pemeriksaan tersebut dan Barangan akan dianggap diterima secara automatik jika Barangan tersebut melepasi ujian atau pemeriksaan yang telah dijalankan. Jika angka penilaian yang diperolehi daripada apa-apa ujian yang disediakan adalah di luar had yang dinyatakan di dalam cadangan sebut harga oleh Pembekal, Pelanggan berhak untuk menolak Barangan tersebut.</p>
<p>3.2. To the extent that the Goods are to be manufactured in accordance with a Specification supplied by the Customer, the Customer shall indemnify the Supplier against all liabilities, costs, expenses, damages and losses (including any direct, indirect or consequential losses, loss of profit, loss of reputation and all interest, penalties and legal and other reasonable professional costs and expenses) suffered or incurred by the Supplier in connection with any claim made against the Supplier for actual or alleged infringement of a third party's Intellectual Property rights arising out of or in connection with the Supplier's use of the Specification. This Condition 3.2 shall survive termination of the Contract.</p>	<p>3.2. Sehingga tahap bahawa Barangan akan dikilangkan mengikut Spesifikasi yang dibekalkan oleh Pelanggan, Pelanggan tersebut hendaklah menanggung semua liabiliti, kos, perbelanjaan, kerosakan dan kerugian (termasuk apa-apa kerugian langsung, kerugian tidak langsung atau yang selanjutnya, semua penalti dan perundangan serta kos dan perbelanjaan professional yang munasabah) yang dialami atau ditanggung oleh Pembekal berkenaan apa-apa tuntutan yang dibuat terhadap Pembekal untuk pelanggaran atau dakwaan pelanggaran terhadap hak Harta Intelek pihak ketiga yang timbul daripada penggunaan Spesifikasi oleh Pembekal. Syarat 3.2 ini hendaklah kekal walaupun kontrak ditamatkan.</p>

<p>3.3. The Supplier hereby grants to the Customer a non-exclusive, non-transferable licence to enable the Customer to use the Goods to the fullest extent contemplated by the Contract.</p> <p>3.4. The Supplier reserves the right, acting reasonably to make any amendments to the Goods and any provision of these Conditions which it considers necessary, including without limitation where one of the following occurs:</p> <p>3.4.1. an amendment, substitution, variation, extension or change in or interpretation of Applicable Laws occurs;</p> <p>3.4.2. any modification is required which does not materially affect the nature or performance of the Goods; or</p> <p>3.4.3. if any information provided by the Customer is incorrect or the Customer fails to give the Supplier relevant information in a timely manner.</p>	<p>3.3. Pembekal memberikan kepada Pelanggan satu lesen secara tidak eksklusif dan tidak boleh dipindahkan untuk membolehkan Pelanggan menggunakan Barangan sehingga ke tahap yang dinyatakan di dalam Kontrak;</p> <p>3.4. Pembekal berhak, bertindak secara munasabah untuk melakukan apa-apa pindaan kepada Barangan dan apa-apa peruntukan dalam Syarat-Syarat ini yang dianggap keperluan, termasuk dan tidak terhad apabila salah satu daripada berikut berlaku:</p> <p>3.4.1. suatu pindaan, gantian, variasi, lanjutan atau pertukaran pada atau tafsiran dalam Undang-Undang dan Peraturan yang Terpakai berlaku;</p> <p>3.4.2. apa-apa perubahan yang diperlukan dan tidak tidak menjejaskan secara material terhadap sifat atau prestasi Barangan tersebut; atau</p> <p>3.4.3. jika apa-apa maklumat yang disediakan oleh Pelanggan adalah salah atau Pelanggan gagal memberikan kepada Pembekal maklumat yang relevan pada masa yang ditetapkan.</p>
<p>3.5. The Supplier shall notify the Customer in writing of the changes that are to be made to the Goods in accordance with Condition 3.4.</p>	<p>3.5. Pembekal hendaklah memaklumkan kepada Pelanggan secara bertulis berkenaan apa-apa perubahan yang akan dilakukan terhadap Barangan selaras dengan Syarat 3.4.</p>
<p>4. DELIVERY</p> <p>4.1. The Supplier shall ensure that:</p> <p>4.1.1. each delivery of the Goods is accompanied by a delivery note that shows all relevant Customer and Supplier reference numbers, the type and quantity of the Goods (including the code number of the Goods, where applicable); and</p> <p>4.1.2. if the Supplier requires the Customer to return any packaging materials to the Supplier, that fact is clearly stated on the delivery note. The Customer shall make any such packaging materials available for collection at such times as the Supplier shall reasonably request. Return of packaging materials shall be at the Supplier's expense.</p>	<p>4. PENGHANTARAN</p> <p>4.1. Pembekal hendaklah memastikan bahawa:</p> <p>4.1.1. setiap penghantaran Barangan akan disertakan dengan nota penghantaran yang menunjukkan semua nombor rujukan Pelanggan dan Pembekal yang relevan, jenis dan kuantiti Barangan tersebut (termasuk nombor kod Barangan, sekiranya terpakai); dan</p> <p>4.1.2. jika Pembekal memerlukan Pelanggan untuk memulangkan apa-apa material bungkusan kepada Pembekal, perkara itu adalah jelas dinyatakan pada nota penghantaran. Pelanggan hendaklah memastikan material bungkusan tersebut sedia untuk pengambilan pada masa yang munasabah yang diminta oleh Pembekal. Perbelanjaan pemulangan material bungkusan akan ditanggung oleh Pembekal.</p>

<p>4.2. Any dates quoted for delivery are approximate only, and the time of delivery is not of the essence. The Supplier shall not be liable for any delay in delivery of the Goods that is caused by a Force Majeure Event or the Customer's failure to provide the Supplier with adequate instructions that are relevant to the supply of the Goods.</p>	<p>4.2. Apa-apa tarikh dinyatakan untuk penghantaran adalah secara anggaran sahaja, dan masa penghantaran adalah tidak penting. Pembekal tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan untuk menghantar Barangan yang disebabkan oleh <i>Situasi Force Majeure</i> atau kegagalan Pelanggan untuk memberikan arahan yang secukupnya kepada Pembekal serta yang relevan untuk bekalan Barangan tersebut.</p>
<p>4.3. The Customer shall collect the Goods from the Supplier's premises or at such other location as may be advised by the Supplier prior to delivery (Delivery Location) within three (3) Business Days of the Supplier notifying the Customer that the Goods are ready.</p>	<p>4.3. Pelanggan hendaklah mengambil Barangan daripada premis Pembekal atau di lokasi lain seperti yang disarankan oleh Pembekal sebelum penghantaran dijalankan (Lokasi Penghantaran) dalam masa tiga (3) Hari Bekerja daripada notifikasi oleh Pembekal kepada Pelanggan bahawa Barangan telah sedia untuk penghantaran.</p>
<p>4.4. Delivery is Ex-Works Incoterms 2020 at the Delivery Location unless otherwise specified in the Supplier's quotation.</p>	<p>4.4. Penghantaran adalah <i>Ex-Works Incoterms 2020</i> pada Lokasi Penghantaran melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam sebut harga Pembekal.</p>

<p>4.5. The Supplier shall have no liability for any failure to deliver the Goods to the extent that such failure is caused by a Force Majeure Event or the Customer's delay or failure to provide the Supplier with adequate delivery instructions or any other instructions that are relevant to the supply of the Goods.</p> <p>4.6 If the Customer fails to take delivery in accordance with the terms of the Contract within three (3) Business Days of the Supplier notifying the Customer that the Goods are available for delivery, then, except where such failure or delay is caused by a Force Majeure Event or the Supplier's failure to comply with its obligations under the Contract:</p> <p>4.6.1 delivery of the Goods shall be deemed to have been completed at 9.00 am on the third (3rd) Business Day after the day on which the Supplier notified the Customer that the Goods were ready, and the Supplier will invoice for the Goods in accordance with Condition 7.4;</p> <p>4.6.2 the Supplier shall arrange for the storage of the Goods on behalf of the Customer whereupon the Supplier shall notify the Customer of the rates of storage, and any other associated costs which will be payable by the Customer for the period stated in Condition 4.6.1 until the Goods have left the Supplier's premises (Storage Period). The Customer hereby warrants that it shall provide the Supplier with a purchase order to cover all such fees during the Storage Period. The Customer shall pay the Supplier's invoice for the Storage Period in accordance with Condition 7.5; and</p> <p>4.6.3 invoice the cost of freight when delivered if so instructed in writing by the Customer.</p>	<p>4.5. Pembekal tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan berkenaan penghantaran Barangan sekiranya kegagalan tersebut adalah disebabkan oleh Situasi <i>Force Majeure</i> atau kelewatan atau kegagalan oleh Pelanggan untuk memberikan kepada Pembekal arahan yang secukupnya yang mana adalah relevan kepada pembekalan Barangan.</p> <p>4.6. Jika Pelanggan gagal menerima penghantaran mengikut terma-terma Kontrak, dalam masa tiga (3) Hari Bekerja setelah Pembekal memberi notifikasi kepada Pelanggan bahawa Barangan tersebut sedia untuk Penghantaran, oleh itu, melainkan kegagalan tersebut disebabkan oleh situasi <i>Force Majeure</i> atau kegagalan Pembekal untuk mematuhi kewajibannya di bawah Kontrak:</p> <p>4.6.1. penghantaran Barangan hendaklah dianggap berjaya pada jam 9.00 pagi pada Hari Bekerja ketiga selepas hari Pembekal memaklumkan kepada Pelanggan bahawa Barangan telah sedia, dan Pembekal akan memberi invoice untuk Barangan tersebut menurut Syarat 7.4;</p> <p>4.6.2. Pembekal hendaklah mengatur penyimpanan Barangan bagi pihak Pelanggan di mana Pembekal hendaklah memaklumkan kepada Pelanggan kadar simpanan dan apa-apa kos lain yang berkaitan yang perlu dibayar oleh Pelanggan mengikut tempoh yang dinyatakan pada Syarat 4.6.1.1 sehingga Barangan tersebut dikeluarkan daripada premis-premis Pembekal (Tempoh Simpanan). Pelanggan dengan ini memberi jaminan bahawa ia hendaklah menyediakan kepada Pembekal dengan satu pesanan pembelian merangkumi semua fi semasa Tempoh Simpanan. Pelanggan hendaklah membayar invoice Pembekal untuk Tempoh Simpanan menurut Syarat 7.5; dan</p> <p>4.6.3. invoice kos pengangkutan selepas penghantaran jika diarahkan secara bertulis oleh Pelanggan.</p>
<p>4.7. In the event that there are multiple deliveries agreed in the Contract, the Supplier may deliver the Goods by instalments, which shall be invoiced and paid for separately. Any delay in delivery or defect in an instalment shall not entitle the Customer to cancel any other instalment.</p>	<p>4.7. Sekiranya terdapat beberapa penghantaran yang telah dipersetujui di dalam Kontrak, Pembekal boleh membuat penghantaran Barangan secara ansuran, yang hendaklah diinvoice dan dibayar secara berasingan. Apa-apa kelewatan penghantaran atau sebarang kecacatan ketika penghantaran ansuran, tidak akan memberikan hak kepada Pelanggan untuk batalkan ansuran penghantaran yang lain.</p>

<p>5. QUALITY</p> <p>5.1. The Supplier warrants that on delivery, and for a period of twelve (12) months from the date of delivery (Warranty Period), the Goods shall:</p> <p>5.1.1. conform in all material respects with their description and any applicable Specification;</p> <p>5.1.2. be free from material defects in design, material and workmanship; and</p> <p>5.1.3. be of satisfactory quality (within the meaning of the Sale of Goods Act 1957).</p>	<p>5. KUALITI</p> <p>5.1. Pembekal memberikan jaminan bahawa pada masa penghantaran, dan untuk tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh penghantaran (Tempoh Jaminan), Barangan hendaklah:</p> <p>5.1.1. mematuhi semua aspek material dengan huraian mereka dan apa-apa Spesifikasi yang terpakai;</p> <p>5.1.2. bebas daripada kecacatan material pada reka bentuk, bahan dan hasil kerja; dan</p> <p>5.1.3. mempunyai kualiti yang memuaskan (menurut takrifan di dalam Akta Jualan Barangan 1957).</p>
<p>5.2. Subject to Condition 5.3, if:</p> <p>5.2.1. the Customer gives notice in writing to the Supplier during the Warranty Period within a reasonable time of discovery that some or all of the Goods do not comply with the warranties set out in Condition 5.1;</p> <p>5.2.2. the Supplier is given a reasonable opportunity of examining such Goods; and</p> <p>5.2.3. the Customer (if asked to do so by the Supplier) returns such Goods to the Supplier's place of business</p> <p>then as the Customer's sole and exclusive remedy, the Supplier shall, at its option, repair or replace the defective Goods, or refund the price of the defective Goods in full.</p>	<p>5.2. Tertakluk kepada syarat 5.3, jika:</p> <p>5.2.1. Pelanggan memberikan notis secara bertulis kepada Pembekal ketika dalam Tempoh Jaminan dalam tempoh yang munasabah daripada penemuan bahawa semua atau sebahagian Barangan tidak mengikuti jaminan yang dinyatakan di dalam syarat 5.1;</p> <p>5.2.2. Pembekal akan diberikan peluang yang munasabah untuk memeriksa Barangan tersebut; dan</p> <p>5.2.3. Pelanggan (jika diarahkan sedemikian oleh Pembekal) perlu memulangkan Barangan tersebut di tempat perniagaan Pembekal kemudian sebagai remedi tunggal dan eksklusif kepada Pelanggan, Pembekal hendaklah, menurut pilihannya, membaiki atau menggantikan Barangan yang cacat, atau memulangkan harga Barangan yang cacat secara penuh.</p>

<p>5.3. The Supplier shall not be liable for the Goods' failure to comply with the warranty set out in Condition 5.1 in any of the following events:</p> <p>5.3.1. the Customer makes any further use of such Goods after giving notice in accordance with Condition 5.2;</p> <p>5.3.2. the defect arises because the Customer failed to follow the Supplier's oral or written instructions as to the storage, commissioning, installation, integration, use and maintenance of the Goods or (if there are none) good trade practice regarding the same;</p> <p>5.3.3. the defect arises as a result of the Supplier following any drawing, design or Specification supplied by the Customer;</p> <p>5.3.4. the Customer alters or repairs such Goods without the written consent of the Supplier; or</p> <p>5.3.5. the defect arises as a result of: fair wear and tear, inadequate products with which the Goods are integrated, inadequate utility services, wilful damage, negligence, or abnormal storage or working conditions.</p>	<p>5.3. Pembekal tidak bertanggungjawab terhadap kegagalan Barangan untuk mematuhi jaminan dibawah syarat 5.1 dalam salah satu situasi di bawah:</p> <p>5.3.1. Pelanggan membuat apa-apa penggunaan lanjut pada Barangan tersebut setelah memberikan notis menurut syarat 5.2;</p> <p>5.3.2. kecacatan berbangkit disebabkan kegagalan Pelanggan untuk mematuhi arahan Pembekal secara lisan atau bertulis berkenaan penyimpanan, pentauliahan, pemasangan, penyepaduan, penggunaan dan penyelenggaraan Barangan atau (jika tiada) amalan perdagangan yang baik terhadap perkara yang sama;</p> <p>5.3.3. kecacatan berbangkit disebabkan oleh Pembekal yang menuruti apa-apa lukisan, reka bentuk atau Spesifikasi yang dibekalkan oleh Pelanggan;</p> <p>5.3.4. Pelanggan menukar atau membaiki Barangan tersebut tanpa kebenaran secara bertulis oleh Pembekal; atau</p> <p>5.3.5. kecacatan yang berbangkit disebabkan oleh haus dan lusuh, kekurangan produk yang Barangan tersebut adalah bersepadu, kekurangan servis utiliti, kerosakan yang disengajakan, kecuaiian, atau keadaan penyimpanan atau kerja yang abnormal.</p>
<p>5.4. Except as provided in this Condition 5, the Supplier shall have no liability to the Customer in respect of the Goods' failure to comply with the warranty set out in Condition 5.1.</p>	<p>5.4. Kecuali seperti yang dinyatakan di syarat 5, Pembekal tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab terhadap Pelanggan berkenaan kegagalan Barangan untuk mematuhi jaminan yang dinyatakan di bawah syarat 5.1.</p>
<p>5.5. Except as provided in Condition 5.1, the Supplier gives no warranty and makes no representation in relation to the Goods and the Supplier shall not be under any liability whether in contract, tort or otherwise, in respect of defects in the Goods or for any injury (subject to Condition 10.1.1), damage or loss resulting from such defects or from any work done in connection therewith.</p>	<p>5.5. Kecuali seperti yang dinyatakan di syarat 5.1, Pembekal tidak memberikan jaminan dan tidak membuat representasi terhadap Barangan dan Pembekal tidak akan bertanggungjawab sama ada dalam kontrak, tort atau sebaliknya, berkenaan kecacatan pada Barangan atau untuk apa-apa kecederaan (tertakluk kepada Syarat 10.1.1), kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh kecacatan tersebut atau daripada apa-apa kerja yang dijalankan yang berkaitan dengannya.</p>
<p>5.6. The terms implied by sections 15 to 17 of the Sale of Goods Act 1957 are, to the fullest extent permitted by law, excluded from the Contract.</p>	<p>5.6. Terma-terma yang tersirat oleh seksyen 15 hingga 17 Akta Jualan Barangan 1957 adalah, sehingga yang dibenarkan oleh undang-undang, dikecualikan daripada Kontrak.</p>

<p>5.7. These Conditions shall apply to any repaired or replacement Goods supplied by the Supplier.</p>	<p>5.7. Syarat-syarat ini hendaklah terpakai untuk apa-apa baik pulih atau gantian Barangan yang dibekalkan oleh Pembekal.</p>
<p>6. TITLE AND RISK</p> <p>6.1. The risk in the Goods shall pass to the Customer on completion of delivery, provided that where delivery has been delayed through the fault of either the Supplier or the Customer, the risk in the Goods is at the risk of the party in fault as regards to any loss which would not have occurred but for such failure.</p>	<p>6. PEMILIKAN DAN RISIKO</p> <p>6.1. Risiko pada Barangan hendaklah beralih kepada Pelanggan apabila Penghantaran telah disempurnakan, apabila penghantaran dilewatkan disebabkan oleh Pembekal ataupun Pelanggan, risiko kepada barangan adalah pada pihak yang bersalah berkenaan apa-apa kerugian yang mungkin tidak akan berlaku tanpa kesalahan tersebut.</p>
<p>6.2. Title to the Goods shall not pass to the Customer until the earlier of:</p> <p>6.2.1. the Supplier receives payment in full (in cash or cleared funds) for the Goods; or</p> <p>6.2.2. the Customer resells the Goods, in which case title to the Goods shall pass to the Customer at the time specified in Condition 6.4.</p>	<p>6.2. Pemilikan terhadap Barangan tidak akan beralih kepada Pelanggan sehingga sebelum:</p> <p>6.2.1. Pembekal menerima pembayaran penuh (dalam bentuk wang atau dana yang lengkap) untuk Barangan tersebut; atau</p> <p>6.2.2. Pelanggan menjual semula Barangan, pada keadaan tersebut pemilikan Barangan akan beralih kepada Pelanggan mengikut masa yang ditetapkan berdasarkan syarat 6.4.</p>
<p>6.3. Until title to the Goods has passed to the Customer, the Customer shall:</p> <p>6.3.1. store the Goods separately from all other goods held by the Customer so that they remain readily identifiable as the Supplier's property;</p> <p>6.3.2. not remove, deface or obscure any identifying mark or packaging on or relating to the Goods;</p> <p>6.3.3. maintain the Goods in satisfactory condition and keep them insured against all risks for their full price from the date of delivery;</p> <p>6.3.4. notify the Supplier immediately if it becomes subject to any of the events listed in Condition 8.1; and</p> <p>6.3.5. on reasonable notice, permit the Supplier to inspect the Goods during the Customer's normal business hours and provide the Supplier with such information relating to the Goods as the Supplier may request from time to time.</p>	<p>6.3. Sehingga pemilikan Barangan itu telah beralih kepada Pelanggan, Pelanggan hendaklah:</p> <p>6.3.1. Menyimpan Barangan secara berasingan daripada kesemua Barangan yang lain yang dipegang oleh Pelanggan supaya ia kekal tersedia untuk dikenal pasti sebagai hak milik Pembekal;</p> <p>6.3.2. tidak mengeluarkan, mengosongkan atau menyembunyikan apa-apa tanda kenal pasti atau bungkusan atau yang berkaitan pada Barangan tersebut;</p> <p>6.3.3. mengekalkan Barangan di dalam keadaan yang memuaskan dan menyimpannya dalam keadaan yang selamat daripada apa-apa risiko ke atas harga penuh daripada tarikh penghantaran;</p> <p>6.3.4. memaklumkan kepada Pembekal dengan kadar segera jika berlaku menurut apa-apa keadaan yang disenaraikan pada syarat 8.1; dan</p> <p>6.3.5. melalui notis yang munasabah, membenarkan Pembekal untuk meneliti Barangan semasa waktu bekerja Pelanggan dan memberikan Pembekal maklumat yang berkaitan dengan Barangan sepertimana yang diminta Pembekal dari masa ke semasa.</p>

<p>6.4. Subject to Condition 6.5, the Customer may resell or use the Goods in the ordinary course of its business (but not otherwise) before the Supplier receives payment for the Goods. However, if the Customer resells the Goods before that time:</p> <p>6.4.1. it does so as principal and not as the Supplier's agent; and</p> <p>6.4.2. title to the Goods shall pass from the Supplier to the Customer immediately before the time at which resale by the Customer occurs.</p>	<p>6.4. Tertakluk kepada syarat 6.5, Pelanggan boleh menjual semula atau menggunakan Barangan tersebut di dalam urusan perniagaan yang biasa diamalkan (tetapi bukan selainnya) sebelum Pembekal menerima bayaran untuk Barangan tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya Pelanggan menjual semula Barangan tersebut sebelum masa tersebut:</p> <p>6.4.1. ia berbuat demikian sebagai prinsipal dan bukan sebagai agen kepada Pembekal; dan</p> <p>6.4.2. pemilikan Barangan akan beralih daripada Pembekal kepada Pelanggan secara serta merta sebelum masa penjualan semula oleh Pelanggan berlaku.</p>
